

**NO. SOALAN: 286**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN [SIK]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 10111**

**SOALAN :**

**Dr. Mansor Bin Abdul Rahman [Sik] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik kemalangan jalan raya daripada awal tahun 2017 hingga sekarang.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

**Statistik kemalangan jalan raya di seluruh negara hingga Jun 2017 adalah seperti berikut:**

<b>JENIS KEMALANGAN</b>	<b>2017</b>
MAUT	3,082
PARAH	1,346
RINGAN	2,703
ROSAK SAHAJA	257,298
<b>JUMLAH</b>	<b>264,429</b>

<b>KESAN KEMALANGAN</b>	<b>2017</b>
MATI	3,332
PARAH	1,835
RINGAN	3,581
<b>JUMLAH</b>	<b>8,748</b>

**NO. SOALAN: 287**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN [SIK]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 10112**

**SOALAN :**

**Dr. Mansor Bin Abdul Rahman [Sik] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik kes dadah di Malaysia dari tahun 2015-2016, dan apakah langkah yang diambil untuk mencegah kes-kes dadah ini.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik penagih dadah yang dikesan bagi tahun 2015 adalah seramai 26,668 orang dan bagi tahun 2016 seramai 30,846 orang. Usaha-usaha pembanterasannya masalah dadah sentiasa dilakukan secara berterusan. Komitmen Kerajaan dalam perkara ini dapat dilihat apabila Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 Mac 2017 meluluskan Dasar Dadah Negara yang baru sebagai sumber rujukan dan panduan utama dalam usaha memerangi dadah bagi semua peringkat pelaksanaan di seluruh negara. Dasar ini mempunyai 5 teras utama iaitu Teras Pencegahan, Teras Rawatan dan Pemulihan, Teras Penguatkuasaan, Teras Kerjasama Antarabangsa dan Teras Pengurangan Kemudaratannya.

AADK telah melancar dan melaksanakan usaha memerangi dadah habis-habisan melalui Program Perangi Dadah Habis-Habisan (PDH) yang melibatkan aktiviti:

- a) *Omnipresence*
- b) Ops Cegah
- c) Ops Bersepadu / Sarang
- d) Media
- e) Ikon Antidadah
- f) *Community Empowerment*